

11 SEPT 2002

Perak minta peruntukan panjangkan landasan kapal

IPOH 11 Sept. — Kerajaan Negeri Perak akan memohon kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan bagi mendapatkan peruntukan untuk memanjangkan landasan kapal terbang di Pulau Pangkor.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohd. Tajol Rosli Ghazali berkata, permohonan peruntukan itu termasuklah bagi melaksanakan kerja-kerja menambak laut sepanjang 500 meter untuk membolehkan pesawat lebih besar, mendarat di pulau tersebut.

Katanya, kos pemanjangan landasan itu masih belum diketahui tetapi pihak kerajaan negeri akan membuat beberapa kajian termasuk Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA).

“Sekiranya pelancong mendarat di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah di Ipoh, dia terpaksa menghabiskan dua jam dengan memandu kereta ke Lumut dan menaiki bot ke Pangkor.

“Sekiranya ada penerbangan terus dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), ia hanya memakan masa 40 minit,” katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Menurutnya, permohonan itu telah dibincangkan dalam mesyuarat exco kerajaan negeri di sini, hari ini.